

R&D IPT tingkatkan nilai komersial rumpai laut



BH 22.12.2011 4

KEMENTERIAN Pertanian dan Industri Asas Tani mengenal pasti rumpai laut ialah sumber ekonomi mempunyai nilai komersial tinggi dalam industri akuakultur kerana boleh menghasilkan bahan fikokoloid iaitu karagenan, alginat dan agar-agar.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMS, Prof Dr Rosnah Ismail (**gambar**), berkata sasaran pengeluaran rumpai laut pada 2020 ialah berat kering sebanyak 39,000 tan metrik.

Katanya, untuk mencapai sasaran berkenaan Jabatan Perikanan Persekutuan merancang pembangunan kawasan pengkulturan rumpai laut yang tersusun melalui Zon Industri Rumpai Laut Negara yang dilengkapi infrastruktur asas dan sistem sokongan industri.

Beliau berkata, UMS juga akan terbabit dalam projek Penyelidikan Industri Hulan rumpai laut benih berkualiti tinggi spesies *Kappaphycus* spp dan *Eucheuma* spp yang memanfaatkan 1,000 pengusahanya di seluruh negara.

"Bagi menyokong pembangunan industri itu Jabatan Perikanan Persekutuan memeterai memorandum persefahaman (MOU) dengan empat universiti awam termasuk UMS pada 27 Ogos 2010.

"Tiga lagi universiti yang turut memajukan industri itu ialah Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Majlis memeterai MoU itu disaksikan oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh Omar," katanya.

Prof Rosnah berkata, melalui MoU itu, UMS akan membangunkan dua projek utama iaitu Projek Pengkulturan Rumpai Laut Secara Mini Estet yang akan menjadi model bagi industri hulan rumpai laut negara pada masa depan.

"Melalui projek itu juga, pengeluaran rumpai laut negara dijangka meningkat kepada 250 tan metrik (berat kering) yang bernilai RM1.25 juta setahun, sekali gus membantu memajukan ekonomi kumpulan sasar iaitu masyarakat berpendapatan rendah," katanya.